

| | |
|-----------|-------------------|
| Newspaper | Berita Harian |
| Date | 23 September 2015 |

PM serah 539 lembu korban

BH-23/9/2015

Pekan: Datuk Seri Najib Razak semalam menyampaikan 539 lembu korban kepada masjid dan surau di Parlimen Pekan serta agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di negeri ini sempena Aidiladha yang akan disambut esok.

Turut menerima sumbangan daripada Perdana Menteri ialah semua UMNO bahagian di Pahang dengan masing-masing menerima 10 lembu.

Pada majlis itu, Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan diwakili Timbalan Ketua UMNO Bahagian Pekan, Datuk Abu Bakar Harun.

Sumbangan peribadi

Daripada 539 lembu korban itu, 534 adalah sumbangan 15 syarikat, manakala bakinya daripada individu, termasuk sumbangan peribadi Najib yang juga Ketua UMNO Bahagian Pekan.

Antara syarikat itu adalah Sapura Holdings Sdn Bhd (128 ekor), NAZA Group (75), DRB-HICOM Berhad (50), WZR Pro-



Abu Bakar (depan kiri) melihat lembu korban yang akan diagihkan sempena Aidiladha di Pekan, semalam.

[FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH]

perty Sdn Bhd (30), Pertubuhan Peladang Kebangsaan (30) dan Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (28).

Roadcare (M) Sdn Bhd menyumbang 28 ekor lembu, manakala HeiTech Padu Berhad, Nukima Sdn Bhd, GBP Cor-

poration Sdn Bhd dan AJ Aeroservices Sdn Bhd masing-masing 20 ekor serta Kini Unggul Sdn Bhd (15).